

14/08/1999

Kecekalan Azhar wajar dijadikan iktibar

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Wan Jailani Razak

SELAMA 190 hari enam jam 57 minit dan dua saat sejak 2 Februari lalu, ketika rakyat Malaysia sedang tidur dibuai mimpi, Datuk Azhar Mansor menyabung nyawa membelah badai di samudera bagi merealisasikan harapan serta impian negara membawa balik kapal layar Jalur Gemilang kembali dengan selamat ke tanah air.

Ketika kebanyakan rakyat Malaysia bergembira, anak jati Perlis berusia 41 tahun itu belayar berseorangan di tengah lautan bagi memenuhi harapan 22 juta rakyat untuk melihat kejayaannya.

Tepat jam 11.40 minit 17 saat malam kelmarin, wira negara itu membuktikan kepada dunia slogan Malaysia Boleh yang sering dilaungkan bukan omong kosong tetapi kenyataan yang harus diterima sebagai kemampuan sebenar rakyat negara ini.

Ia juga membuktikan rakyat Malaysia mampu melakukan apa saja yang dilakukan orang lain, khususnya negara maju dan mereka yang memandang hina terhadap kemampuan negara.

Kejayaan Azhar juga adalah susulan kepada beberapa kecemerlangan dan kegemilangan yang dicipta rakyat Malaysia sebelum ini, khususnya kejayaan menawan puncak Gunung Everest serta berjalan kaki dan mendarat ke Kutub Utara dengan payung terjun.

Kegemilangan Azhar juga diharap bukan yang terakhir bagi membuktikan kebolehan rakyat dan negara, malah akan ada lagi kejayaan yang bakal dicipta bagi membuktikan kemampuan sebenar rakyat Malaysia.

Mungkin tidak lama lagi ada yang melakukan sesuatu yang lebih luar biasa berbanding kemampuan Azhar. Malah sudah ada ura-ura seorang juruterbang Melayu berhasrat memecahkan rekod dunia terbang mengelilingi dunia tanpa henti.

Kemungkinan juga tidak lama lagi kita boleh menandingi keupayaan bangsa lain di dunia, termasuk melahirkan angkasawan Malaysia dengan menghantar rakyat kita ke angkasa lepas.

Bagaimanapun, keupayaan menjadi orang pertama melakukan sesuatu atau sebagai pemecah rekod dunia saja tidak memadai tanpa disertai kemajuan dan pembangunan dalam semua bidang untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

Selain mencipta pelbagai kejayaan, kecemerlangan keseluruhan rakyat dalam semua bidang perlu diberi keutamaan dan kejayaan Azhar mesti dianggap pembuka jalan atau titik permulaan ke arah kejayaan lebih cemerlang, khususnya menjelang alaf baru yang tinggal tidak berapa bulan saja lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi pencetus dan sumber inspirasi kejayaan Azhar sendiri menyatakannya secara jelas berhubung perkara ini dalam ucapannya yang penuh emosi ketika menyambut ketibaan wira negara itu, di Awana Porto Malai, Langkawi.

Menurutnya, kejayaan itu bakal memberi kepercayaan dan keyakinan kepada seluruh rakyat bahawa mereka juga mampu melakukan sesuatu yang luar biasa seperti dicapai Azhar.

"Dia memberi semangat kepada kita dan yakinkan diri kita bahawa kita boleh jika mencuba.

"Azhar membuktikannya dengan melakukan sesuatu yang luar biasa dan hari ini kita lihat rakyat Malaysia mengelilingi dunia dari timur ke barat yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapa.

"Justeru kita dan saya sendiri sebagai rakyat Malaysia amat berbangga menjadi rakyat Malaysia.

"Saya berharap kita mengambil iktibar dan pelajaran dan akan berusaha melakukan apa saja bagi menunjukkan kepada dunia mengenai kebolehan rakyat Malaysia supaya tiada sesiapa yang akan menghina kita lagi," katanya.

Lebih menarik Dr Mahathir menyampaikan ucapan yang turut disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV3, membuat pengakuan terbuka bahawa kejayaan Azhar memberi keyakinan kepada dirinya sendiri untuk meneruskan usaha membangun dan memajukan negara.

Pandangan Dr Mahathir bahawa kecekalan Azhar perlu dicontohi rakyat, termasuk ahli politik sepertinya juga harus dijadikan cabaran kepada kita semua untuk membuktikan kemampuan sebenar rakyat Malaysia.

Justeru, mulai sekarang, jika semua rakyat Malaysia memupuk semangat, kecekalan dan ketabahan seperti yang dilakukan Azhar sepanjang pelayarannya, Malaysia mampu mencapai kemuncak kecemerlangan dan sekaligus cita-cita wawasan 2020 akan lebih cepat dicapai.

Yang perlu dilakukan sekarang ialah mengambil iktibar daripada kecekalan Azhar bagi mewujudkan sebuah bangsa yang bermaruah, menghadapi sebarang cabaran mendatang dan mampu menyaingi kemampuan bangsa lain.

Jika ia dapat dilakukan, nescaya Malaysia dan rakyatnya tidak mudah diperkotak-katikkan, sekali gus pihak asing tidak lagi memandang serong dan menghina kita lagi.

(END)